

Kerajaan puas hati urusan pilihanraya **Tiada cadangan ketat peraturan**

#H 10 APR 1990

Oleh MAHFAR ALI (P)

ALOR STAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan puas hati dengan setiap peraturan pilihanraya sekarang, termasuk tempoh masa bantahan selepas waktu penamaan seseorang calon.

Berikutan itu, kata Perdana Menteri, kerajaan tidak bercadang untuk mengetatkan peraturan itu atau melanjutkan masa bantahan dalam pilihanraya kecil atau umum supaya selaras dengan pindaan Akta Kebankrapan 1965.

"Masa bantahan satu setengah jam sekarang mencukupi dan sudah sekian lama ia tidak menimbulkan masalah. Tetapi mereka yang mahu membuat bantahan perlulah menyediakan bukti lebih awal bagi menyokong bantahan berkenaan," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Kepala Batas dekat sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tambahan masa bantahan sehingga dua atau tiga

jam jika diperuntukkan, tidak juga akan mencukupi selagi pihak terbabit tidak boleh mendapatkan bukti dalam tempoh berkenaan, seperti dalam kes Senator Shuaib Lazim sewaktu pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka, 24 Mac lalu.

Selamat, Menteri Kehakiman, Datuk Dr Sulaiman Haji Daud, berkata beberapa perkara penting akan dikemukakan bagi cadangan pindaan Akta Kebankrapan, termasuk meminta Pendaftar Mahkamah memberitahu Dewan Rakyat dan Dewan Negeri secara rasmi melalui surat apabila seseorang wakil rakyat diisytihar muflis.

Selama ini, katanya seseorang yang diisytihar muflis, termasuk wakil rakyat hanya diwartakan dalam Warta Kerajaan selain Notis Kebankrapan diiklankan di akhbar.

Mengenai kes Senator Shuaib, Perdana Menteri sekali lagi menjelaskan bahawa Senator Shuaib belum tentu muflis, malah hutangnya sudah diselesaikan.

"Cuma pihak yang memberi pinjaman saja lambat meminta mahkamah membatalkan perintah muflis ke atasnya (Senator Shuaib)," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pulang ke sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Tanjong Pauh, Jitra, petang ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff serta Ahli Exco Kerajaan Negeri, menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Sementara itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah menyampaikan bantuan, termasuk wang, pakaian dan makanan sumbangan Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri serta Timbalan Menteri (Bakti) untuk penduduk miskin di lima kawasan di negeri ini, termasuk Jitra, Tanjung, Bandar Baru dan Kulim.

Isteri Menteri Besar, Datin Seri Hajah Azizah Abdul Hamid, menerima sumbangan itu di kediaman Perdana Menteri di Titi Gajah dekat sini. Di majlis itu, Bakti turut menyumbangkan \$5,000 kepada Perkim Kedah.